



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK DR. CHING THOO A/L KIM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM (NRES)**

SEMPENA

PERASMIAN & PENYERAHAN SEKOLAH ANGKAT MADANI NRES

13 DISEMBER 2025 (SABTU) | 7.00 PAGI

SEK. KEB. POKOK ASAM, PENDANG, KEDAH

SALUTASI

[AKAN DIKEMASKINI SEBELUM PROGRAM]

Encik Abdul Rahim bin Mat

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

Puan Noor Ashikin binti Yusoff

Pegawai Pendidikan Daerah Pendang

Puan Khairiah binti Ahmad

Guru Besar SK Pokok Asam

Guru-guru, warga kerja Sekolah Kebangsaan Pokok Asam, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam MADANI.

KATA-KATA ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan rasa gembira dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan berkumpul dalam suasana yang penuh ceria pada pagi ini di SK Pokok Asam.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak sekolah kerana bertungkus-lumus membuat persiapan rapi bagi menganjurkan Majlis Penyerahan Sekolah Angkat MADANI NRES pada hari ini. Saya amat menghargai sambutan mesra yang diberikan kepada saya dan rombongan Kementerian dalam menjayakan majlis ini.

MANFAAT INISIATIF SEKOLAH ANGKAT MADANI

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

3. Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif strategik Kerajaan MADANI yang menyatukan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan sektor swasta untuk bekerjasama secara jangka panjang dengan sekolah-sekolah, terutamanya di luar bandar, bagi merapatkan jurang pendidikan, memperkasa infrastruktur, akademik, latihan guru, dan pembangunan sahsiah murid, memastikan pendidikan berkualiti untuk semua.

4. Dengan pemilihan SK Pokok Asam sebagai Sekolah Angkat MADANI NRES, sekolah ini telah mendapat peruntukan khas Kerajaan bagi menambahbaik infrastruktur fizikal serta kemudahan pembelajaran bagi menyediakan persekitaran pendidikan yang terbaik demi menjamin masa depan anak-anak di sekolah ini.

5. Usaha murni ini turut diperkukuh melalui penglibatan rakan strategik di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). NRES berbesar hati kerana berjaya mendapatkan sokongan padu daripada MCRE Resources Sdn. Bhd. dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada kedua-dua entiti korporat ini atas sumbangan yang diberikan. Besar harapan saya agar sinergi antara kerajaan dan swasta sebegini dapat diteruskan, bagi memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan pendidikan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Fokus utama bantuan yang disalurkan melalui projek ini adalah untuk meningkatkan keselesaan murid semasa sesi pembelajaran. Di bawah skop infrastruktur, kita telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti bilik darjah secara menyeluruh.

7. Kita mahu anak-anak belajar dalam suasana yang kondusif, selesa dan selamat. Oleh itu, kerja-kerja pendawaian dan pemasangan perkakasan elektrik baharu telah dilaksanakan, disusuli dengan kerja mengecat bahagian dalaman kelas supaya kelihatan lebih baharu dan ceria.

Selain itu, penggantian pintu dan tingkap juga telah dibuat bagi memastikan bilik darjah ini benar-benar selesa untuk diduduki. Manfaatnya cukup besar—apabila persekitaran sekolah selesa, minat anak-anak untuk menimba ilmu pasti akan bertambah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Selain keselesaan fizikal, kita juga mahu memastikan SK Pokok Asam tidak ketinggalan dalam arus pendidikan digital. Di bawah inisiatif Pemantapan *Digital Learning*, sekolah telah dilengkapi dengan peralatan teknologi terkini.
9. Bilik-bilik darjah telah disediakan Smart TV bersaiz besar beserta peranti paparan tanpa wayar. Ini akan menambahbaik kaedah pengajaran guru menjadi lebih interaktif, visual dan menarik perhatian murid. Tidak cukup dengan itu, Wi-Fi extender turut dipasang bagi memastikan capaian internet lebih stabil dan meluas, memudahkan akses kepada maklumat di hujung jari.
10. Paling penting, teknologi hanyalah alat, tetapi gurulah yang menghidupkannya. Kerana itu, inisiatif ini turut disertakan dengan bengkel latihan guru bagi memastikan para pendidik di sini dapat memaksimumkan penggunaan peralatan canggih ini dalam mendidik anak bangsa.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

11. Besar harapan saya agar segala kemudahan infrastruktur dan kelengkapan digital yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Jagalah harta ini sebaik mungkin agar manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan oleh murid-murid sekarang dan akan datang.

12. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga SK Pokok Asam. Semoga fasiliti baharu ini menjadi pemangkin semangat untuk sekolah ini terus cemerlang dalam melahirkan generasi MADANI yang berilmu dan berdaya saing.

Dengan sukacitanya, saya dengan ini merasmikan Penyerahan Projek Sekolah Angkat MADANI NRES kepada SK Pokok Asam, Pendang, Kedah.

Sekian, terima kasih.